

03/10/2003

Gejala sosial ditangani menjelang 2010: KM

Idzham Hadi Sidik

MELAKA: Kajian terperinci perlu dilakukan oleh semua jabatan dan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta syarikat swasta untuk menangani masalah sosial yang dijangka membabitkan 100,000 remaja di Melaka menjelang 2010, termasuk pelajar asing yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam, berkata persediaan awal perlu dilakukan oleh semua pihak, terutama Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) yang menerajui aktiviti serta kegiatan remaja di negeri ini.

Katanya, kerajaan negeri mensasarkan 100,000 remaja akan datang ke negeri ini untuk mengikuti pelbagai kursus dan jurusan yang ditawarkan oleh IPT di negeri ini.

Beliau berkata, dengan kehadiran ramai remaja sudah pasti Melaka dapat dinobatkan sebagai negeri belia dan pada masa yang sama pelbagai masalah sosial akan berlaku.

"Kerana itulah semua pihak, terutama MGBM perlu membuat persediaan awal dengan menyediakan pelan tindakan melalui kajian yang dilakukan untuk menangani masalah sosial yang akan berlaku pada 2010," katanya pada majlis perasmian mesyuarat agung Perhimpunan Agung Tahunan ke-23 MGBM di Hotel City Bayview di sini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Datuk R Raghavan; Pengerusi Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) negeri, Datuk Hamdin Abdollah serta Pengerusi MGBM, Idris Haron.

Sempena mesyuarat agung itu, tiga usul dibawa oleh perwakilan MAYC negeri, Gerakan Belia 4B negeri dan Kelab Belia Bell Tamil (KBBT) dan diterima sebulat suara tanpa bahas oleh semua perwakilan yang hadir.

Usul berkenaan ialah membanteras kejadian gengsterisme di sekolah, menyokong kepimpinan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagi menggantikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir yang akan bersara akhir Oktober ini serta menyokong Akta Pertubuhan Belia diwujudkan.

Mohd Ali juga mahukan semua belia di negeri ini mendalami ilmu komunikasi teknologi maklumat (ICT) untuk memudahkan segala urusan yang berkaitan dengan pentadbiran dan inovasi.

Selain itu, Ketua Menteri menegaskan pertubuhan belia di negeri ini perlu memberi peluang kepada golongan muda untuk sama-sama memegang jawatan penting di dalam pertubuhan mereka.

Katanya, generasi muda perlu dilatih supaya sesuatu pertubuhan itu tidak ketandusan pemimpin dan ketepuan idea sekiranya masih terus mengekalkan pemimpin lama.